

Sinar Harian 10/4/2019 M/S 19
Nelayan asing menyamar nelayan tempatan

KUALA TERENGGANU- Taktik tujuh nelayan Vietnam menggunakan bot bernombor pendaftaran tempatan bertujuan mengaburi mata pihak berkuasa terbongkar apabila ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim) Terengganu, Ahad lalu.

Pengarah Maritim Terengganu, Kepten Maritim Muhammad Suffi Mohd Ramli berkata, bot yang menceroboh perairan negara itu berjaya ditahan dalam rondaan Ops Iman di lokasi 32.5 batu nautika dari muara Kuala Terengganu, kira-kira jam 8 malam.

"Seramai tujuh awak-awak termasuk seorang tekong berusia antara 28 hingga 51 tahun ditahan dan bot ditunda ke Jeti Maritim Terengganu untuk siasatan lanjut.

"Kita juga berjaya merampas hasil tangkapan laut, minyak diesel, bot dan peralatan menangkap ikan bernilai keseluruhan hampir RM1 juta," katanya dalam satu kenyataan media, semalam.



Bot milik nelayan asing yang menggunakan nombor pendaftaran tempatan ditahan di Jeti Maritim Terengganu untuk siasatan lanjut.

Katanya, kes berkenaan disiasat di bawah Seksyen Akta Perikanan 1985 kerana disyaki memalsukan dokumen bot dan juga melanggar syarat-syarat lesen.

Selain itu, Muhammad Suffi berkata, pada tahun ini sehingga April, Maritim Terengganu berjaya menangkap sebanyak 21 tangkapan.

"Kami tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak terutama nelayan asing yang menceroboh perairan negara bagi mengaut hasil laut tanpa kebenaran yang mana akan merugikan negara.

"Rondaan dan pemantauan akan terus dipertingkatkan dari semasa ke semasa untuk mencegah sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang Maritim.

"Justeru itu, kerjasama daripada masyarakat terutama nelayan tempatan untuk melaporkan sebarang maklumat dan salah laku yang berlaku di perairan negara ke talian MERS 999 atau 09-6224357 (Pusat Operasi) Maritim Terengganu," katanya.